

PERANAN GURU DALAM PELAKSANAAN AKTIVITI SENI HALUS KANAK-KANAK

Teacher's Role in The Implementation of Children's Fine Art Activities

Nur Ain Farhana Binti Kariuddin^{1*}, Fadzilah binti Amzah²

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang^{1&2}
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia¹

nurainfarhana19@student.usm.my^{1*}, fadzilahamzah@usm.my²

*Corresponding Author

Diterima: 28 Feb 2025; **Disemak semula:** 10 Jun 2025; **Diterima:** 26 Jun 2025; **Diterbitkan:** 13 Julai 2025

To cite this article (APA): Kariuddin, N. A. F., & Amzah, F. (2025). Peranan Guru dalam Pelaksanaan Aktiviti Seni Halus Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(2), 24-34. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.2.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.2.2025>

ABSTRAK

Kebergantungan kanak-kanak pada orang dewasa adalah perkara yang normal disebabkan mereka masih dalam fasa perkembangan dan pembentukan diri. Di sekolah, orang dewasa yang bersama dengan kanak-kanak adalah guru mereka. Oleh itu, peranan guru adalah kritikal pada peringkat ini bagi membantu kanak-kanak menguasai kemahiran-kemahiran asas dalam pertumbuhan mereka. Terdapat kemungkinan tidak berlaku bimbingan yang berfokus pada seni halus bersama kanak-kanak di sekolah dalam pelaksanaan aktiviti seni halus. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui peranan guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus kanak-kanak serta implikasi peranan tersebut terhadap kanak-kanak. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual empat orang guru tadika swasta di Selangor sebagai responden kajian. Responden merupakan guru yang mempunyai pengalaman mengajar seni halus bersama kanak-kanak lebih dari enam tahun. Data temu bual telah ditranskripsi dan dianalisis secara tematik. Hasil dapatan memberi gambaran bahawa peranan utama guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus adalah sebagai fasilitator yang mana sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada kanak-kanak semasa aktiviti dijalankan. Terdapat impak positif yang signifikan dalam perkembangan kognitif, emosi dan sosial apabila guru memainkan peranan yang sewajarnya dalam pelaksanaan aktiviti seni halus. Sebagai kesimpulan, pelaksanaan aktiviti-aktiviti seni halus memerlukan guru yang bijak dalam menyesuaikan aktiviti dengan keadaan semasa dan keupayaan kanak-kanak supaya impak aktiviti tersebut memberi makna sebenar kepada kanak-kanak.

Kata kunci: peranan guru, aktiviti seni halus, kanak-kanak

ABSTRACT

It is natural for children to rely on adults because they are still going through a period of self-formation and growth. Teachers are the adults in the classroom who are interacting with the children. As a result, the teacher's job becomes crucial in shaping the overall development of children. It is conceivable that there may not be any fine art-focused direction for using fine art activities with children in schools. This research aims to investigate the role that teachers play in carrying out fine art activities with children and the consequences that role has for them. The researcher interviewed four private kindergarten teachers in Selangor as study participants using qualitative methodology. The respondents are teachers with prior experience instructing six-year-old children in the fine arts subject. After being transcribed, the interview data underwent a thematic analysis. The results suggest that the main function of the teacher in executing fine art activities is that the teacher is a facilitator, providing constant direction and instruction to the children throughout the activity. When teachers properly guide fine art activities, it has a major positive influence on children's social, emotional, and cognitive development. To sum up, for fine art activities to be implemented and have a genuine impact on a child, a teacher must be astute in tailoring the activities to the child's abilities and current circumstances.

Keywords: teacher's role, fine art activities, children

PENGENALAN

Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, terdapat transformasi sistem pendidikan yang menjurus ke arah meningkatkan kualiti sistem pendidikan dari semua peringkat termasuk prasekolah. Bagi menyokong transformasi tersebut, kandungan pembelajaran bagi kurikulum pendidikan awal kanak-kanak sentiasa diberi perhatian. Penambahbaikan dari segi kandungan dan kurikulum pembelajaran sentiasa menjadi fokus utama guru ini kerana PPPM menekankan kepentingan kurikulum yang seimbang, bukan sahaja tertumpu kepada akademik tetapi juga kepada perkembangan holistik termasuk melalui aktiviti seni halus. Aktiviti seni halus merupakan sebahagian daripada pembelajaran pendidikan awal kanak-kanak yang penting kerana ianya menyokong pelbagai bidang perkembangan kanak-kanak. Aktiviti ini merujuk kepada amalan kreatif yang melibatkan seni visual di mana ianya membantu kanak-kanak dalam perkembangan kebolehan artistik, kemahiran kognitif dan ekspresi emosi mereka. Nor dan Zaharah (2025) menegaskan bahawa aktiviti seperti melukis, mewarna, bermain doh dan menyurih mampu meningkatkan perkembangan literasi kanak-kanak.

Peranan guru dalam pelaksanaan kurikulum seni halus menjadi lebih kritikal. Guru perlu mempunyai latihan yang cukup dan juga dibekalkan dengan pengetahuan serta sumber yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti seni halus yang berkualiti dan berkesan selaras dengan aspirasi PPPM. Hasil kajian oleh Mohd Nasir et al., (2025) juga mencadangkan agar lebih banyak sokongan diberikan kepada guru seperti Latihan yang khusus dan Pembangunan bahan pengajaran yang bermutu bagi mendapatkan pengajaran yang berintegriti. Mempunyai guru yang kompeten dalam bidang ini memberi keistimewaan dalam pembentukan perkembangan kanak-kanak sekaligus menyumbang kepada matlamat jangka panjang dalam memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

Terdapat empat pecahan bagi seni halus iaitu melukis, mencatan, mengukir arca dan mencetak. Kesemua pecahan aktiviti seni ini boleh dijadikan aktiviti yang sangat menarik kepada kanak-kanak dengan menyelaraskan peringkat kesukaran mengikut kemampuan kanak-kanak.

Melukis

Melukis merupakan satu aktiviti melakar, mencipta imej di atas kertas atau permukaan lain dengan menggunakan pelbagai media kering sebagai alatan seperti pensel, pen, arang, pensel warna, krayon, pen marker atau sebagainya (Ocvirk, 1968). Terdapat teknik yang digunakan dalam melukis seperti teknik garisan, teknik titik, teknik gosok, teknik lorek dan sebagainya. Gabungan teknik-teknik dalam lukisan dapat menghasilkan lukisan yang amat kreatif seperti efek kesan cahaya, bentuk dan ruang. Individu yang mempunyai imaginasi yang baik dalam melukis dapat hasilkan sebuah lukisan yang mempunyai sudut pandangan, perspektif dan juga ton yang berbeza.

Mencatan

Aktiviti mencatan adalah menarik bagi kanak-kanak kerana menggunakan gabungan pelbagai warna untuk mencipta karya seni yang unik dan imaginatif (Kidek dan Rahim, 2017). Lazimnya, kanak-kanak berasa seronok dalam bereksperimen dengan warna. Kanak-kanak belajar eksplorasi menghasilkan pelbagai warna dengan teknik mencampur dan mengacau beberapa jenis warna.

Selain daripada memahami konsep asas mengenai warna, rangsangan kreativiti kanak-kanak mula tercetus. Kanak-kanak juga belajar mengendalikan alatan seperti berus cat, span, atau jari dalam menghasilkan karya catan. Pemilihan warna dalam menghasilkan karya juga mampu memberi gambaran terhadap emosi diri kanak-kanak. Sebagai contoh, pemilihan warna seperti kuning atau merah jampu menggambarkan perasaan gembira. Warna biru pula diertikan dengan perasaan tenang.

Mencipta arca

Peningkatan dalam perkembangan kemahiran motor halus kanak-kanak boleh diperolehi daripada aktiviti mencipta arca. Pada peringkat awal kanak-kanak, arca boleh dibina menggunakan pelbagai bahan yang selamat bagi mereka seperti tanah liat atau doh tepung. Aktiviti seni arca bagi kanak-kanak adalah aktiviti menghasilkan bentuk hasil seni dalam susunan dua dimensi (*relief sculpture*) atau tiga dimensi (*free standing sculpture*) di mana permukaan dapat dilihat dari pelbagai sudut (Sedon et. al., 2016). Proses pembuatan doh boleh dijadikan sebagai aktiviti awal bagi seni halus arca dan disusuli dengan pembentukan model dari doh. Kekuatan jari jemari kanak-kanak dalam menguli, menggelek, mencetak dan menggentel doh memberi impak kepada peningkatan kemahiran motor halus mereka.

Mencetak

Aktiviti cetakan memberi kanak-kanak pengalaman dalam melihat keunikan corak yang terhasil. Corak dalam cetakan boleh dilakar sendiri oleh kanak-kanak atau mereka bebas menggunakan bahan-bahan yang mempunyai jenis corak-corak tersendiri seperti daun, ukiran di ubi kentang, pelepah pisang, duit syiling, blok kayu dan sebagainya. Aktiviti ini mempunyai proses tekanan bahan yang diletakkan warna ke atas sesuatu permukaan yang rata untuk menampakkan corak yang ditekap (Sedon et. al., 2016). Cetakan corak ini menjadi sangat unik jika proses tekanan corak tersebut dilakukan secara berulang.

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana peranan guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus dan juga implikasi daripada peranan guru tersebut terhadap kanak-kanak.

TINJAUAN LITERATUR

Sorotan literatur ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan peranan guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus dalam kalangan kanak-kanak. Seni halus telah lama diiktiraf sebagai elemen penting dalam pendidikan awal kanak-kanak, di mana ia bukan sahaja menyokong perkembangan kreatif tetapi juga memperkukuh aspek kognitif, fizikal, emosi dan sosial (Vasilaki, 2024; Alghufali, 2024; Hrechyshkina, 2023). Walau bagaimanapun, keberkesanan aktiviti seni halus dalam pendidikan prasekolah sangat bergantung kepada peranan dan pendekatan guru dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ini.

Kualiti pendidikan kanak-kanak dipengaruhi oleh pengetahuan guru, sumber, kemudahan dan perkembangan profesional (Rusdin & Ali, 2019). Kualiti pendidikan seperti ini sangat menyumbang kepada perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan jika ianya dapat disampaikan kepada mereka di sekolah.

Penyelesaian bagi permasalahan di dalam bidang pendidikan sentiasa memerlukan penambahbaikan secara berterusan (Makhmudova, 2022). Pengubahsuaian pembelajaran dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak perlu diutamakan bagi memastikan kualiti pendidikan

mereka terjaga. Pelaksanaan aktiviti seni halus diakui sebagai salah satu komponen penting dalam perkembangan holistik kanak-kanak (Ambarsari et al., 2024). Namun, didapati guru kurang menggunakan teknik yang berkesan disebabkan kurangnya kefahaman dalam konteks seni ini (Rakhman et al., 2024; Potocnik & Devetak, 2018; Indrayuda, 2017). Kaedah pengajaran semasa mungkin tidak memenuhi sepenuhnya keperluan pendidikan kanak-kanak dalam seni halus (Krasovska, 2022). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara kaedah pengajaran yang ada dengan kaedah pengajaran yang berkesan. Dalam aktiviti melakar, guru kurang memberikan kebebasan kepada kanak-kanak di mana mereka tidak dapat membuat penerokaan yang menyeluruh (Musa et. al, 2019). Permasalahan ini memberi gambaran bahawa peranan guru yang sewajarnya tidak dapat disampaikan dengan berkesan dan mengakibatkan jurang kepada perkembangan holistik kanak-kanak. Pengaruh guru yang baik akan meninggalkan kesan positif yang mendalam dan menjadi faktor penentu terhadap perkembangan kanak-kanak (Fitri & Diana, 2023). Bimbingan yang tepat dari guru bukan sahaja memberi pencapaian akademik yang baik malah mendorong dan memupuk minat dan semangat belajar yang berpanjangan dalam diri kanak-kanak (Ginting & Eza, 2024).

Peranan guru pendidikan awal kanak-kanak

Guru dianggap mempunyai peranan yang besar dalam menentukan tingkah laku dan pengalaman pembelajaran kanak-kanak (Ginting & Eza, 2024). Dalam memandu ke arah kejayaan kanak-kanak, guru pendidikan awal kanak-kanak berperanan dalam pelbagai aspek dan memegang pelbagai karakter. Hal ini berikutan guru berusaha mengikut kesesuaian kandungan pembelajaran dan karakter kanak-kanak di bawah pantauan mereka. Selain itu, guru sentiasa bertindak sebagai seorang fasilitator yang sentiasa membimbing kanak-kanak ketika mereka memerlukan bantuan.

Peranan guru dalam aktiviti seni halus

Kebanyakan aktiviti seni halus adalah berbentuk *hands-on*, oleh itu menjadi tanggungjawab guru dalam memastikan keupayaan dan kefahaman kanak-kanak untuk melakukan aktiviti tersebut. Guru perlu bertindak sebagai fasilitator sepanjang proses pelaksanaan aktiviti seni halus. Fasilitator dalam konteks ini adalah guru bukan sebagai pemberi arahan, tetapi menjadi pencipta persekitaran yang kondusif kepada kanak-kanak dalam penerokaan mereka di dalam pembelajaran seni halus. Kanak-kanak perlu diberi ruang untuk bereksperimen dengan idea, alatan dan bahan seni. Penerapan mengenai konsep seni, teknik asas seni dan pengetahuan berkaitan seni juga diberikan penekanan daripada guru. Melakukan aktiviti di luar kelas juga memberi kanak-kanak peluang untuk meneroka persekitaran dalam meningkatkan imaginasi dan kreativiti mereka (Ramli et al., 2024; Zaleha Damanhuri, 2017). Peranan guru sebagai fasilitator dalam aktiviti seni halus akan menggalakkan kanak-kanak untuk berfikir secara bebas, belajar menghargai seni dan berkeyakinan dalam menghasilkan karya seni unik mereka tersendiri.

Kepentingan seni halus kepada kanak-kanak

Seni halus memainkan peranan penting dalam perkembangan kognitif, emosi, sosial dan fizikal mereka. Selain itu, perkembangan kreativiti, pengembangan cita rasa estetik dan apresiasi seni kanak-kanak boleh dibentuk dengan baik melalui seni ini (Qizi, 2022). Perkembangan seperti ini dapat menyediakan kanak-kanak melihat sesuatu mengikut pandangan dunia mereka dan mereka dapat melihat sesuatu dari pelbagai perspektif dan bijak dalam memahami keindahan kandungan pelbagai karya seni.

Pemupukan kecenderungan terhadap konsep kefahaman artistik sejak dari kecil mampu meneroka dan mengekspresikan diri mereka secara kreatif dan sekaligus menjadi asas kepada pembangunan holistik mereka. Seni halus juga boleh dilakukan secara main bebas yang mana pendekatan ini memberi kanak-kanak ruang dalam membuat keputusan dan memilih tentang peraturan dan peranan dalam aktivitinya (Drani et al., 2024).

Cabaran guru

Pengajaran seni halus kepada kanak-kanak memberi pelbagai cabaran yang perlu ditangani oleh guru. Cabaran paling ketara adalah evolusi berterusan dalam kaedah pengajaran seni halus dalam meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Cadangan dari kajian Tomashevskyi et al., (2022) untuk meningkatkan latihan profesional guru seni halus adalah dengan mengambil kira elemen pasca moden pembangunan pendidikan tinggi. Justeru itu, pembangunan profesional guru perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan guru sentiasa dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan teknik terkini. Selain itu, guru sering berhadapan dengan kekurangan bahan dan alat yang diperlukan bagi aktiviti seni halus. Bagi mengatasi masalah tersebut, aktiviti seni halus hanya dilakukan sekadar memenuhi jadual pembelajaran tanpa mempunyai kesungguhan dari guru. Keterbatasan sumber rujukan mengenai seni halus pula menjadikan guru kurang bermotivasi untuk melakukan aktiviti seni halus.

METODOLOGI

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif. Kajian kualitatif adalah kajian yang mendeskripsikan sesuatu pemahaman dan tafsiran makna, dan perspektif responden dalam persekitaran mereka. Di dalam kajian ini, terdapat empat orang responden dipilih bagi menjalani temu bual kajian. Responden-responden tersebut terdiri daripada guru tadika swasta yang mempunyai pengalaman mengajar seni halus kanak-kanak. Responden ditemu bual dan dapatan kajian ditranskripsi dan dianalisis mengikut tema-tema yang berkaitan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Latar Belakang Responden

Jadual 1:

Latar Belakang Responden Kajian

Bil	Responden	Umur	Lokasi	Kelayakan	Pengalaman
1	Guru A	31	Gombak	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	8 tahun
2	Guru B	33	Shah Alam	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak	9 tahun
3	Guru C	29	Selayang	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	6 tahun
4	Guru D	32	Batu Caves	Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak	10 tahun

Berdasarkan latar belakang responden yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di atas, didapati bahawa terdapat dua orang responden berkelulusan diploma, seorang ijazah sarjana muda dan seorang ijazah sarjana dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Kesemua responden mempunyai pengalaman dalam bidang ini minimum enam tahun pengalaman.

Dapatan Temu bual Responden

Soalan temu bual dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Terdapat empat tema hasil dari analisis ini iaitu bimbingan dan fasilitator, penyediaan persekitaran pembelajaran yang merangsang, pembangunan kemahiran dan perkembangan holistik dan pengukuhan hubungan dan interaksi sosial.

Tema 1: Bimbingan dan fasilitator

Hasil daripada analisis data temu bual, terdapat dua perkara yang dijelaskan iaitu guru sebagai pembimbing kepada kanak-kanak. Melalui pengalaman semua responden, mereka menyatakan bahawa guru berperanan sebagai pemudah cara yang membimbing kanak-kanak untuk meneroka bakat dan potensi kreatif mereka. Melalui galakan, dorongan, dan tunjuk ajar, guru membantu kanak-kanak mengenali pelbagai teknik seni, medium, dan kaedah ekspresi. Proses ini penting untuk membina keyakinan diri, membolehkan mereka berani mencuba idea baharu, serta mengembangkan daya imaginasi tanpa rasa takut melakukan kesilapan.

“Guru memainkan peranan utama dalam memperkenalkan seni halus kepada kanak-kanak dan guru perlu memainkan peranan yang sangat penting antaranya seperti menyediakan sumber dan alat yang bersesuaian dan selamat dengan aktiviti. Selain itu guru perlu membuat perancangan aktiviti yang sesuai dengan usia dan tahap perkembangan kanak-kanak. Seterusnya guru perlu memberi penerangan yang terperinci dan perlu melakukan demonstrasi selain memberi galakan supaya kanak-kanak sentiasa mencuba dan meneroka mengikut idea dan kreativiti mereka.” (Responden 1)

Responden 3 juga mempunyai pendapat yang sama dengan Responden 1 bahawa guru perlu memberi bimbingan seperti memberi penerangan dan pendedahan kepada kanak-kanak sebelum melakukan aktiviti seni halus seperti memperkenalkan bahan dan material yang akan digunakan dalam aktiviti.

“Peranan guru adalah sebagai seorang yang bertanggungjawab untuk memberi pendedahan seni halus kepada kanak-kanak, guru memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan material, medium dan konsep kepada kanak-kanak.” (Responden 3)

“Kanak-kanak suka berimaginasi. Oleh itu, guru boleh membimbing kanak-kanak untuk ekspresikan sesuatu menjadi hasil seni.” (Responden 4)

Tema 2 : Pembangunan kemahiran dan perkembangan holistik

Melalui aktiviti seni halus, guru membantu mengasah pelbagai aspek perkembangan kanak-kanak. Sebagai contohnya, melukis, kolaj, arca dan mewarna mengembangkan kemahiran motor halus, manakala aktiviti berkumpulan menggalakkan kemahiran komunikasi dan sosial. Selain itu, aktiviti seni juga menjadi medium untuk kanak-kanak meluahkan emosi, mengurangkan tekanan, dan meningkatkan kesejahteraan mental mereka, menyokong perkembangan menyeluruh yang seimbang. Menurut Responden 3,

“Membuat arca dengan menggunakan bahan seperti plastisin dapat menyumbang kepada perkembangan motor halus kanak-kanak.”

Responden 1 juga menyatakan pendapat yang sama iaitu,

“Contoh aktiviti seni halus yang sering dilakukan di dalam kelas adalah aktiviti kolaj. Aktiviti ini dilaksanakan melalui penggunaan pelbagai bahan kertas, seperti kertas warna, majalah lama, dan kain perca, untuk membuat kolaj yang menggambarkan elemen alam seperti pokok, bunga, atau haiwan. Mereka akan memotong, menyusun, dan menampal bahan-bahan ini pada kertas besar untuk menghasilkan karya seni kolaj. Antara manfaat yang diperolehi oleh kanak-kanak adalah peningkatan kemahiran motor halus, kemahiran menyelesaikan masalah dengan membantu kanak-kanak membuat keputusan selain membantu kanak-kanak mengekspresi idea dan imaginasi mereka secara kreatif.”

Pandangan responden dari Responden 1 dan 3 yang masing-masing memahami bahawa dengan melakukan aktiviti-aktiviti seni halus mampu membantu meningkatkan kemahiran kanak-kanak.

Tema 3: Pengukuhan hubungan dan interaksi sosial

Majoriti responden menyatakan bahawa terdapat interaksi sosial apabila kanak-kanak melakukan aktiviti seni halus.

Menurut Responden 4,

“Setiap penghasilan hasil seni tersebut memberi sedikit sebanyak impak positif dalam diri kanak-kanak.”

Responden 3 juga menekankan tentang perkembangan emosi dan sosial yang berlaku ketika melakukan aktiviti seni halus,

“Aktiviti seni halus secara tidak langsung membantu kanak-kanak meluahkan emosi secara non-verbal. Mengendali alatan dan proses menghasilkan seni dapat membina kepercayaan dan kesedaran diri kanak-kanak. Seni halus juga sebagai satu ekspresi seni yang boleh menyampaikan idea, pendapat, perasaan dan interaksi. Melalui aktiviti seni, kanak-kanak juga dapat memahami bahawa setiap individu mempunyai idea yang tersendiri, ini dapat membantu mereka dalam satu aspek sosial iaitu memahami orang lain.”

Selain daripada itu, aktiviti seni halus juga menjadi peluang untuk memupuk kerjasama dan semangat berpasukan dalam kalangan kanak-kanak. Guru memainkan peranan penting dalam menggalakkan interaksi positif, seperti berkongsi bahan seni, memberikan maklum balas membina, dan menghargai hasil karya rakan. Ini membantu kanak-kanak membina kemahiran sosial, empati, dan rasa hormat terhadap perspektif serta kreativiti individu lain.

PERBINCANGAN

Bimbingan dan fasilitator

Guru memainkan peranan penting sebagai pembimbing dalam membantu kanak-kanak meneroka potensi dalam aktiviti seni halus mereka (Mahsan, 2021). Melalui tunjuk ajar dan dorongan positif, guru dapat memperkenalkan pelbagai teknik, alat, dan medium seni yang sesuai dengan peringkat perkembangan kanak-kanak (Steven & Saearani, 2024; Mokhlis, 2019; Soh, 2015). Arahan yang jelas tetapi tidak terlalu mengawal oleh guru membolehkan kanak-kanak mengembangkan kreativiti mereka secara bebas sambil mempelajari kemahiran asas seperti mencampur warna,

membentuk tanah liat, atau melukis dengan pelbagai tekstur dalam aktiviti seni halus. Pendekatan ini membantu kanak-kanak berasa yakin untuk mencuba perkara baharu dan mengasah daya imaginasi mereka.

Sebagai fasilitator, guru bertindak sebagai pemudah cara yang merangsang minat kanak-kanak terhadap seni halus. Guru boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dengan menyediakan ruang yang selamat, bahan seni yang mencukupi, dan suasana yang menggalakkan eksplorasi. Di samping itu, guru boleh mengatur aktiviti yang menggalakkan penerokaan kreatif, seperti projek seni berkumpulan atau aktiviti seni luar bilik darjah, yang membolehkan kanak-kanak berinteraksi, bertukar idea, dan menghargai perspektif seni yang berbeza. Ini memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka dan mengukuhkan kemahiran sosial.

Selain itu, guru berperanan memberi sokongan emosi dan motivasi sepanjang proses berkarya. Memberikan pujian, maklum balas membina, dan mengiktiraf usaha kanak-kanak dapat meningkatkan keyakinan diri dan minat mereka terhadap seni. Guru yang peka terhadap perasaan kanak-kanak juga dapat membantu mereka mengendalikan emosi melalui seni sebagai saluran ekspresi yang sihat. Dengan menjadi pembimbing yang prihatin dan fasilitator yang berfikir terbuka, guru dapat membantu membentuk generasi kanak-kanak yang lebih kreatif, berdaya imaginasi, dan berani menyuarkan idea mereka melalui seni halus.

Pembangunan kemahiran dan perkembangan holistik

Aktiviti seni halus di sekolah memainkan peranan penting dalam membangunkan pelbagai kemahiran kanak-kanak, terutamanya kemahiran motor halus dan koordinasi tangan-mata (Hanafiah et al., 2023; Botirov et al., 2021). Melalui aktiviti seperti melukis, menggunting, atau membentuk tanah liat, kanak-kanak melatih kekuatan jari dan ketepatan pergerakan yang penting untuk tugas harian seperti menulis atau mengikat tali kasut. Pada masa yang sama, mereka belajar menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, contohnya, memilih warna yang sesuai atau mencipta bentuk tertentu, yang mengasah daya pemikiran kritis dan kreativiti mereka secara bersepadu.

Selain kemahiran fizikal dan kognitif (Kholmuratovich et al., 2020; Fernandez-Santin & Feliu-Torruella, 2020), seni halus juga menyumbang kepada perkembangan emosi dan sosial kanak-kanak (Mujiyono et al., 2021; Botirov et al., 2021). Melalui aktiviti seni, mereka diberi ruang untuk meluahkan perasaan, mengurangkan tekanan, dan memahami emosi diri. Contohnya, melukis boleh menjadi saluran untuk menyatakan kegembiraan, kesedihan, atau kebimbangan, membantu kanak-kanak mengatur emosi secara sihat. Dalam aktiviti berkumpulan pula, mereka belajar bekerjasama, bertolak ansur, dan menghargai idea rakan-rakan, yang mengukuhkan hubungan sosial dan membina kemahiran komunikasi yang berkesan.

Pendekatan seni yang menyeluruh ini menyokong perkembangan holistik kanak-kanak, merangkumi aspek jasmani, emosi, sosial, dan intelek (Marni & Mayar, 2023). Apabila guru merancang aktiviti seni yang berstruktur tetapi fleksibel, kanak-kanak dapat meneroka potensi diri mereka dalam pelbagai dimensi. Mereka bukan sahaja berkembang menjadi individu yang kreatif, tetapi juga lebih yakin, berdikari, dan sensitif terhadap persekitaran. Oleh itu, seni halus bukan sekadar aktiviti sampingan, tetapi elemen penting dalam pendidikan awal yang membentuk perkembangan menyeluruh dan seimbang untuk kanak-kanak.

Pengukuhan hubungan dan interaksi sosial

Aktiviti seni halus di sekolah menyediakan peluang berharga untuk mengukuhkan hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak (Berdiyorova, 2022; Khusnidakhon, 2021). Apabila mereka terlibat dalam aktiviti berkumpulan seperti projek mewarna mural, membina arca, atau terlibat dalam pameran seni, mereka belajar untuk berkomunikasi, bertukar pendapat, dan berkongsi idea. Proses ini mengajar kanak-kanak untuk mendengar pandangan orang lain, menerima perbezaan, dan bekerja secara kolektif ke arah matlamat bersama. Sikap ini bukan sahaja mengeratkan hubungan bersama rakan, tetapi juga memupuk nilai-nilai murni seperti bantu-membantu, empati, dan rasa hormat terhadap perspektif yang berbeza.

Selain itu, seni halus memberi ruang kepada kanak-kanak untuk meluahkan diri dan memahami emosi rakan sebaya melalui karya mereka. Contohnya, apabila seorang kanak-kanak melukis gambar keluarga atau suasana yang menggambarkan kegembiraan atau kesedihan, rakan-rakan lain dapat belajar memahami dan menghayati perasaan tersebut. Situasi ini akan mengeratkan hubungan mereka, menjadikan mereka lebih peka dan prihatin terhadap emosi serta keperluan orang lain. Guru juga boleh memanfaatkan situasi ini untuk menggalakkan perbincangan secara terbuka, mengajar kanak-kanak mengungkapkan perasaan dengan baik, dan membina hubungan yang lebih mendalam.

Interaksi sosial yang terjalin melalui aktiviti seni halus turut menyumbang kepada perkembangan kemahiran interpersonal yang penting untuk kehidupan harian. Kanak-kanak yang kerap berinteraksi dalam aktiviti seni lebih berpeluang mengembangkan keyakinan diri, keberanian untuk berkomunikasi, dan kebolehan menyelesaikan konflik secara harmoni (Jesima dan Shobana, 2024). Mereka belajar bahawa seni adalah medium untuk menghubungkan diri dengan orang lain, bukan sekadar ekspresi individu semata-mata. Oleh itu, seni halus bukan sahaja membentuk bakat kreatif, tetapi juga menjadi alat berkesan untuk memupuk hubungan yang erat dan interaksi sosial yang sihat dalam kalangan kanak-kanak.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pelaksanaan aktiviti seni halus bersama kanak-kanak memerlukan persediaan yang rapi, bimbingan dan penglibatan aktif daripada pendidik atau fasilitator. Ini penting untuk memastikan kanak-kanak mendapat peluang untuk meneroka kreativiti mereka, membina keyakinan diri, dan mengembangkan kemahiran motor halus. Melalui aktiviti seni yang terancang dan menyeronokkan, kanak-kanak dapat belajar menghargai seni, melatih daya imaginasi, dan memperkukuh interaksi sosial dengan rakan sebaya. Oleh itu, sokongan berterusan dan persekitaran yang positif akan membantu mengoptimumkan potensi mereka dalam dunia seni halus. Peranan guru dalam menyediakan kanak-kanak dengan aktiviti seni halus adalah penting untuk perkembangan holistik mereka. Guru bukan sahaja mengajar tetapi juga membantu kanak-kanak mengembangkan kreativiti, kemahiran kognitif, ekspresi emosi, dan kemahiran sosial melalui pengalaman seni yang menarik. Pelaksanaan aktiviti seni halus yang berkesan memerlukan guru terlatih, bijak, dan menyesuaikan diri dengan pelbagai keperluan kanak-kanak.

CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Kajian yang dijalankan adalah hanya melihat peranan guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus bagi kanak-kanak. Oleh yang demikian, dicadangkan bagi kajian akan datang adalah untuk pengkaji meneroka kesan aktiviti seni halus terhadap perkembangan holistik kanak-kanak seperti

mengkaji bagaimana penyertaan aktif dalam seni halus menyumbang kepada perkembangan emosi, sosial, dan kognitif kanak-kanak.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, M. (2015). Islamization of knowledge and educational development: The case of Bangladesh. *International Journal of Islamic Thoughts*, 4(1): 95-112.
- Alghufali, B. R. (2024). Artistic Activities and Developing Creative Thinking Skills among Children in Early Childhood. *American Journal of Human Psychology*, 2(1), 48-57.
- Ambarsari, Y. D., Alanthony, M. A., Safitri, E. A., Muzdalifah, S., & Wafa, N. S. (2024). Sharpening Creativity in Elementary Education through Simple Fine Arts: Literature Review. *JENIUS (Journal of Education Policy and Elementary Education Issues)*, 5(1), 32-40.
- Berdiyeva, G. (2022, September). " Fine Art" Is A Creative Product For Children In Need Of Special Help. In *International Scientific And Current Research Conferences* (Pp. 124-127).
- Botirov, J. S., Bakaev, S. S., Avliyakov, M. M., Shirinov, A. L., & Abdullaev, S. S. (2021). The same goes for art classes in private schools specific properties. *The journal of contemporary issues in business and government*, 27(2), 1643-1650.
- Drani, S. S., Harun, N. H., Abdurahman, M. S., Zailani, N. N., & Razali, M. N. (2024). Implementation of Free Play Activities in Kindergartens: The Role and Challenges of Teachers. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(2), 82–90. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.2.8.2024>
- Fernandez-Santin, M., & Feliu-Torruella, M. (2020). Developing critical thinking in early childhood through the philosophy of Reggio Emilia. *Thinking Skills and Creativity*, 37, 100686.
- Fitri, Z. Z., & Diana, R. R. (2023). Peran Guru dalam Membentuk Tanggung Jawab Anak Usia Dini melalui Komunikasi Efektif, Empatik, dan Santun. *JEA (Jurnal Edukasi AUD)*, 9(2), 123-133.
- Ginting, Y. B., & Eza, G. N. (2024). The Role of Teachers in Early Childhood Character Education at Syalom Bunuraya Kindergarten. *Asian Journal of Applied Education (AJAE)*, 3(1), 73-86.
- Hanafiah, N. A., Mokodenseho, S., Dewi, R. A. P. K., Zahrudin, A., & Palayukan, H. (2023). Collage Media to Develop Fine Motor Skills in Early Childhood. *Bulletin of Early Childhood*, 2(1), 10-18.
- Hrechyskyna, I. (2023). Acquaintance of Preschool Children With Works of Painting. *Scientific Journal Of Polonia University*, 56(1), 58-62.
- Indrayuda, I. (2017). Concept of Art Education: Developing Aesthetic Sensibility, Social and Situational Awareness.
- Jesima Banu, M., and S. Shobana. (2024). "The Role of Art Education in Holistic Development." *Shanlax International Journal of English*, vol. 13, no. S1, 2024, pp. 51-55.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kholmuratovich, M. K., Mardanqulovich, A. S., Ravshanovich, J. R., Sharifovna, K. U., & Shodiyevna, B. O. (2020). Methodology of improving independent learning skills of future fine art teachers (on the example of still life in colorful paintings). *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(05), 285-288.
- Khusnidakhon, K. (2021). The importance of enhancing social skills of preschoolers. *European Scholar Journal*, 2(3), 74-78.
- Kidek, R. A. H., & Rahim, D. M. S. B. (2017). Penggunaan Kit Warna Asas Dalam Aktiviti Mencampur Warna Di Kalangan Murid Tahun 3 Dalam Aktiviti Cat.
- Krasovska, L. (2022). Problems Of Teaching The Fine Arts At School. *Educational Dimension*, 10, 144–150. <https://doi.org/10.31812/Educdim.5795>
- Makhmudova, O. (2022). Problems Of Teaching Preschool Children In Fine Activities. *Current Research Journal Of Pedagogics*, 3(01), 17-21.
- Mahsan, I. P. (2021). Ekspresi seni dan komunikasi visual murid berkeperluan khas dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(1), 41-54.
- Marni, Y., & Mayar, F. (2023). Mengoptimalkan Pembelajaran Seni Rupa Di Sekolah Dasar: Strategi Dan Praktek Terbaik. *Didaktik: Jurnal Ilmiah Pgsd Stkip Subang*, 9(2), 2658-2667.
- Mohd Nasir, M. A. , Che Mohd Nasir, N., Ismail, N. H., Masnan, A. H., Zain, A., & Md Yusof, H. (2025). Meneroka elemen pengajaran nilai intergriti dalam kalangan kanak-kanak prasekolah: Satu kajian keperluan terhadap guru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(1), 73-91.
- Mokhlis, S. (2019). Pemupukan Kreativiti Kanak-Kanak: Kajian Kes Amalan Pengajaran Kreativiti di Sebuah Tadika Islam: Nurturing Creativity in Young Children: A Case Study of the Practice of Teaching for Creativity in an Islamic Kindergarten. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 3(1), 34-48.

- Mujiyono, M., Haryanto, E., & Gunadi, G. (2021). Peran Guru dalam Pengoptimalan Potensi Emosi Anak terhadap Peningkatan Kreativitas Ekspresi pada Pembelajaran Seni Rupa di SD Kota Semarang. *Mudra Jurnal Seni Budaya*, 36(2), 146-152.
- Musa, R., Ramli, M. F., Khairuddin, N. E. M., & Abindinhazir, Z. (2019). Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak: Exploration theme of sketches and effects on preschool children's creativity. *KUPAS SENI*, 7, 72-80.
- Nor, W. N. S. W. Z., & Osman, Z. (2025). Analisis keperluan: Penguasaan kemahiran pratulis kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 14(1), 13-23.
- Potocnik, R., & Devetak, I. (2018). The differences between pre-service chemistry, fine art, and primary education teachers regarding interest and knowledge about fine art materials. *CEPS Journal*, 8(4), 109-130.
- Ocvirk, O. G. (1968). *Art fundamentals: Theory and practice*. W.C Brown Company, University of Minnesota
- Qizi, B. Z. P. (2022). The Role of Fine Arts in The Science of Technology. *European International Journal of Multidisciplinary Research and Management Studies*, 2(06), 155-159.
- Rakhman, P. A., Rokmanah, S., & Najib, M. A. (2024). Optimalisasi Teknologi Untuk Meningkatkan Inovasi Pembelajaran Seni Rupa Kelas Iv Di Sd Negeri Balaraja I. *Indonesian Journal Of Elementary Education (Ijoe)*, 5(2), 21-30.
- Ramli, N. F., Hussain, M. A., Mohd Yunos, M. Y., & Hamdan, H. (2024). Learning Environmental Factors Outside the Classroom in Affecting the Psychomotor Development of Kindergarten Children at National Child Development Research Centre (NCDRC), UPSI. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(1), 92-104. <https://doi.org/10.37134/jpa.k.vol13.1.8.2024>
- Rusdin, N. M., & Ali, S. R. (2019, November). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. In *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (Vol. 87, p. 105).
- Sedon, M. F. (2016). Contemporary Malaysian consumer culture and the creative role of experiential space: Reinterpreting sale and promotional advertising through installation. *Geografia*, 12(6).
- Soh, K. C. (2015). Creativity fostering teacher behaviour around the world: Annotations of studies using the CFTIndex. *Cogent Education*, 2, 1-18.
- Steven, K., & Saearani, M. F. T. B. (2024). Paradigma dan Isu dalam Pendidikan Seni: Strategi Untuk Pengembangan Pendekatan yang Relevan dan Berkelanjutan. *Didaktika: Jurnal Kependidikan*, 13(3), 3833-3846.
- Tomashevskyi, V., Digtar, N., Chumak, L., Batiievska, T., Hnydina, O., & Malytska, O. (2022). Artistic and Pedagogical Competences of the Fine Arts Teacher: an Adaptation to the Postmodern Society. *Postmodern Openings*, 13(2), 287-302.
- Vasilaki, V. (2024). Pre-School Teachers' Views on the Impact of Visual Arts Education on Early Childhood Education. *Online Submission*, 12(4), 1-9.